

Lampiran 9: Surat Jawapan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia Mengenai BB1M



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN (PPT)
ARAS 12, NO. 2, MENARA 2,
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8870 5301
Faks : 03-8870 6816/6815
Portal : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPT.W.400-4/7/1 Jld 2 (16)
Tarikh : 5 Januari 2014



En. Ishak Bin Hamzah

Pengerusi
Dewan Industri Buku Malaysia (MBIC)
No 7/6 Blok E2
Jalan PJU 1/42 A Dataran Prima
47301 Petaling Jaya
SELANGOR

Tel: 03-78805840
Faks: 03-78805841

Tuan,

MEMORANDUM BERKENAAN BAUCAR BUKU 1MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memorandum daripada pihak tuan pada Oktober 2014 adalah berkaitan. =

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berterima kasih di atas keprihatinan pihak tuan di dalam pelaksanaan Program Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) oleh pihak Kerajaan. Kementerian telah mengkaji cadangan memorandum pihak tuan berkenaan penambahbaikan Program BB1M 2015 dan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

2.1 Supaya Peniaga, Pedadang Dan Pembekal Yang Berdaftar Dengan MBIC, Dan Berwibawa Sahaja Dibenarkan Untuk Menebus BB1M Di Bank Simpanan Nasional

Cadangan ini telah dibincangkan bersama pekedai buku sebelum ini namun tidak dipersetujui kerana terdapat pekedai buku secara kecil-kecilan terutama di kawasan luar bandar yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan juga tidak menjadi ahli kepada mana-mana persatuan kedai buku. Pekedai-pekedai kecil ini juga diharapkan mendapat manfaat dari Program BB1M yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

2.2 Langkah Anti-Salahguna BB1M

Kementerian telah menambahbaik garis panduan BB1M bagi mengurangkan isu penyalahgunaan BB1M. Ini adalah kerana perhatian KPM mendapati pelajar dan pekedai buku telah memanipulasi kelonggaran garis panduan yang membenarkan pelajar menggunakan baki BB1M sebanyak 20 peratus membeli barangan selain daripada buku. Kelonggaran tersebut telah dimansuhkan di dalam Garis Panduan BB1M 2015 di mana keseluruhan jumlah BB1M hanya dibenarkan untuk pembelian buku sahaja.

2.3 Mencetak Amaran Salahguna Pada BB1M

Cadangan ini akan dipertimbangkan untuk dicetak pada baucar BB1M 2015.

2.4 Pemeriksaan/Pemantauan BB1M 2014 di IPTA

Kementerian telah melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan terhadap pengurusan BB1M di lapan IPT terpilih pada tahun 2014 bagi melihat keadaan sebenar di lapangan serta memberi penerangan terhadap pematuhan Garis panduan BB1M. Bagi BB1M 2015, pemantauan akan dibuat dengan lebih menyeluruh ke semua IPTA dan IPTS terpilih yang terdapat aduan dan kes salahguna BB1M. Pemantauan turut dilakukan di kedai-kedai sekitar IPT terbabit.

2.5 Perjumpaan Bersama Pekedai Buku

Kementerian telah mengadakan Mesyuarat bersama wakil pekedai buku secara tahunan bagi membincangkan pelaksanaan BB1M serta teguran terhadap pematuhan Garis Paduan BB1M.

2.7 Senarai Hitam Pekedai

Telah melaksanakan pada tahun 2014 dan akan diteruskan pada 2015. Pekedai yang disenaraihitamkan tidak dibenarkan menyertai program BB1M selama tiga (3) tahun berturut-turut.

3. Untuk makluman tuan, Kementerian amat mengalu-alukan sebarang penambahbaikan kepada garis panduan BB1M. Sokongan dan kerjasama pihak tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ZEPRI BIN SAAD)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: YBhg. KSU II
YBrs. SUBK
YBhg. SUB (Kew) SP